

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

AKU303 - SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEBELAS soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A adalah WAJIB. Jawab TIGA soalan daripada Bahagian B dan ENAM soalan daripada Bahagian C.

Bahagian A (WAJIB)

Hadkan jawapan kamu kepada tidak melebihi 2 muka surat.

1. Anda telah diminta untuk memberi ceramah kepada pengurus atasan dari berbagai organisasi mengenai peranan dan kesan sistem maklumat dan teknologi maklumat yang mungkin di dalam organisasi mereka. Senaraikan kandungan ceramah anda secara umum.

[18 markah]

Bahagian B

Jawab EMPAT soalan dan hadkan jawapan kepada 1 muka surat.

2. Terangkan bagaimana pengurus memainkan peranan sebagai pemimpin berkaitan dengan sistem maklumat di dalam organisasi.

[10 markah]

3. Banding dan bezakan pendekatan prototaip dan kitar hayat pembangunan sistem (SDLC).

[10 markah]

...2/-

AKU303

4. Apakah faktor-faktor yang boleh menjamin kejayaan pelaksanaan sistem?

[10 markah]

5. Apakah pengkomputeran pengguna? Terangkan kelebihanannya. Patutkah pihak pengurusan menggalakkannya.

[10 markah]

6. Senaraikan rekabentuk konsep bagi sistem interaksi berasaskan Lotus 1-2-3 untuk menyediakan garis panduan kepada pelajar di dalam pendaftaran kursus.

[10 markah]

Bahagian C

Jawab ENAM soalan sahaja dan hadkan jawapan kepada 1/2 muka surat.

7. Dengan mengambil USM sebagai contoh, bagaimanakah rangkaian dan komunikasi data dapat membantu USM? Bincangkan.

[7 markah]

8. Terangkan secara ringkas suatu contoh sistem, di dalam konteks analisis dan rekabentuk sistem, dengan mengenalpasti komponen-komponennya.

[7 markah]

9. Apakah prospek mengautomasikan tugas rekabentuk sistem? Di manakah automasi ini boleh digunakan secara berkesan di dalam kitar hayat sistem (SLC).

[7 markah]

10. Siapakah yang sepatutnya mencadangkan pembangunan sistem maklumat baru - pengguna atau jabatan sistem maklumat. Mengapa?

[7 markah]

...3/-

AKU303

11. Apakah sistem sokongan keputusan (DSS) dan bagaimanakah ianya berbeza dari sistem pemerosan transaksi (TPS)?

[7 markah]

12. Apakah komponen-komponen sistem pakar (expert system)?
Jelaskan secara ringkas.

[7 markah]

13. Apakah masalah-masalah pengurusan dan kawalan yang akan timbul dari pemprosesan teragih (distributed processing)?

[7 markah]

14. Secara ringkas jelaskan rangka kerja di bawah dan berikan contoh bagi setiap 9 sel di bawah:

Rangka kerja Gorry - Scott Morton

Klasifikasi	Pengawalan operasi	Pengawalan pengurusan	Perancangan strategik
Berstruktur			
Semi struktur			
Tidak berstruktur			

[7 markah]

---ooo000ooo---